



Program Digital Marketing Empowerment (DiME) 2024

Muhaniza Zainal Ariffin & Samsuria Abdul Rahman

✉ muhaniza@uitm.edu.my

Digital Marketing Empowerment Programme (DiME 2024) merupakan inisiatif kerjasama di antara Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) Negeri Kelantan dan Unit MASMED UiTM Cawangan Kelantan. Ia merupakan kesinambungan bagi Kajian Penjanaaan Pendapatan di Kalangan Peserta Miskin Tegar Negeri Kelantan di mana enam (6) siri jelajah telah dijalankan untuk usahawan-usahawan kecil dan miskin dari jajahan Kota Bharu, Bachok, Tanah Merah, Gua Musang, Tumpat dan Jeli.

Objektif DiME 2024 adalah untuk melengkapi peserta dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berkembang maju dalam landskap perniagaan moden.

Fasilitator yang dilantik untuk program ini adalah terdiri daripada pensyarah-pensyarah UiTM Cawangan Kelantan dengan latar belakang yang pelbagai, bagi memastikan peserta mendapat bimbingan menyeluruh dan pelbagai perspektif mengenai pemasaran digital, termasuk kemahiran teknikal, strategi pemasaran, dan pengurusan perniagaan. Antara modul yang diajar ialah pengetahuan asas tentang pemasaran sifar, pengurusan kewangan dan perakaunan, cara membina kandungan dan *copywriting* yang berkesan serta cara mengendalikan *LIVE* di Tiktok.

Dua (2) pensyarah Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Kelantan iaitu Puan Muhaniza Zainal Ariffin dan Puan Samsuria Abdul Rahman telah diberikan amanah untuk menyampaikan Modul Perakaunan dan Kewangan.

Modul ini bertujuan untuk memperkasakan para peserta agar lebih cekap dalam mengurus kewangan dan perakaunan perniagaan, serta memanfaatkan peluang dalam pemasaran digital untuk mencapai pertumbuhan perniagaan yang mampan. Melalui kaedah pengajaran interaktif, kedua-dua fasilitator ini telah memberikan panduan praktikal yang berguna, termasuk latihan simulasi kes perniagaan sebenar yang dapat diterapkan oleh para peserta dalam perniagaan masing-masing.

Kebanyakan peserta program mempunyai pengetahuan yang minima mengenai cara perekodan untuk perniagaan mereka. Jadi, kedua-dua fasilitator terlebih dahulu mendedahkan mereka tentang kesilapan-kesilapan yang biasa dilakukan oleh usahawan-usahawan kecil. Para peserta turut mempelajari asas perakaunan seperti penyediaan buku tunai, penyata untung rugi, penyata kedudukan kewangan, dan analisis aliran tunai. Ini bagi membantu mereka memahami situasi kewangan perniagaan dan membuat keputusan yang lebih baik.

Program ini telah dapat memberi peserta bukan sahaja kemahiran untuk berjaya dalam perniagaan tetapi juga keyakinan untuk mengejar impian dalam hidup. Dengan memanfaatkan pemasaran digital, DiME 2024 bertujuan untuk mewujudkan komuniti yang berdaya tahan dan mampu keluar sepenuhnya daripada garis kemiskinan seterusnya memenuhi objektif utama dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu menghapuskan kemiskinan dalam masyarakat.

